

**PERANAN ILMU BALĀGHAH DALAM PENAFSIRAN AL-QURAN:
KAJIAN TERHADAP AL-ṬIBĀQ DAN AL-MUQĀBALAH**

***THE ROLE OF BALĀGHAH IN THE INTERPRETATION OF AL-
QURAN: A STUDY ON AL-ṬIBĀQ AND AL-MUQĀBALAH***

Nik Muhamad Aidil Aiman Nik Adli

Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam,
Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

Md. Nor Abdullah*

Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam,
Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

**Corresponding Author's Email: monab@ukm.edu.my*

Article History:

Received : 17 September 2024

Accepted : 25 November 2024

Published : 26 December 2024

© Penerbit Universiti Islam Melaka

To cite this article:

Adli, N. M. A. A. N. & Abdullah, M. N. (2024). Peranan Ilmu Balāghah Dalam Penafsiran Al-Quran: Kajian Terhadap Al-Ṭibāq Dan Al-Muqābalah. *Jurnal 'Ulwan*, 9(2), 71-85.

ABSTRAK

Al-Tibāq dan *al-muqābalah* memainkan peranan penting dalam penafsiran al-Quran terutamanya untuk menonjolkan perbezaan, seperti kehidupan dengan kematian, kepercayaan dengan kekufuran, serta dunia dengan akhirat. Perbezaan ini mendorong pembaca untuk melakukan refleksi mendalam tentang akibat setiap pilihan, keadilan Allah SWT, dan realiti kehidupan akhirat. Namun pembelajaran al-Quran kontemporari yang memfokuskan kepada aspek bacaan dan hafalan menyebabkan pembaca sering mengabaikan aspek makna yang disampaikan oleh Allah SWT melalui alat retorik ini. Justeru, kajian ini berusaha untuk menghidupkan semula kajian balāghah dalam penafsiran al-Quran dengan: mengenal pasti aspek *al-tibāq* dan *al-muqābalah* dalam ayat-ayat al-Quran terpilih; dan menganalisis peranan *al-tibāq* dan *al-muqābalah* dalam penafsiran al-Quran. Dengan mengadaptasi reka bentuk kajian kualitatif yang berteraskan analisis kandungan dan kerangka teori al-Hāshimī, kajian ini meneliti ayat-ayat al-Quran yang mempunyai unsur *al-tibāq* dan *al-muqābalah*, meneliti bagaimana alat retorik ini menyumbang

kepada kesan estetika dan kedalaman makna teks al-Quran, meningkatkan daya ingatan serta menarik perhatian pembaca dan pendengarnya. Hasil kajian mendapati terdapat enam ayat al-Quran yang mengandung unsur *al-tibāq* dan empat ayat yang mengandung unsur *al-muqābalah* di bawah empat tema utama: kehidupan dan kematian; kepercayaan dan kekufuran; dunia dan akhirat; serta petunjuk dan kesesatan. Kajian ini menekankan keberkesanan *al-tibāq* dan *al-muqābalah* dalam memperkukuh konsep-konsep asas dalam agama Islam. Dengan membezakan di antara bimbingan dengan kesesatan, kehidupan dengan kematian, dan dunia dengan akhirat, alat retorik ini menjelaskan akibat pilihan manusia, menggesa pembaca untuk merenung secara mendalam setiap pilihan mereka di dunia ini.

Kata kunci: al-Ṭibāq; al-Muqābalah; Balāghah; Tafsir; al-Quran.

ABSTRACT

This study explores the critical role of al-tibāq (antithesis) and al-muqābalah (antithetical parallelism) in Qur'anic interpretation, particularly in drawing contrasts between key concepts such as life and death, faith and disbelief, and the world versus the afterlife. These rhetorical devices encourage readers to reflect on the moral and spiritual consequences of their choices. Despite the importance of these contrasts, modern Qur'anic learning, which often emphasizes reading and memorization, tends to overlook the deeper meanings conveyed through these tools. The research aims to reinvigorate the study of balāghah (rhetoric) in Qur'anic interpretation by identifying and analyzing the use of al-tibāq and al-muqābalah in selected verses. Using a qualitative approach based on al-Hāshimī's theory and content analysis, the study examines how these devices enhance the aesthetic and cognitive impact of the Qur'an, aiding in memorization and engaging readers and listeners more deeply. The analysis focuses on six verses containing al-tibāq and four containing al-muqābalah, grouped under four key themes: life and death, belief and disbelief, the world and the hereafter, and guidance versus error. The findings underscore the effectiveness of these rhetorical techniques in reinforcing essential Islamic teachings, making abstract concepts more accessible, and encouraging profound reflection on human choices and their spiritual consequences.

Keywords: al-Ṭibāq; al-Muqābalah; Balāghah; Tafseer; al-Quran

1.0 PENGENALAN

Ilmu balāghah (retorik Arab) memainkan peranan yang sangat penting dalam penafsiran al-Quran. Ilmu ini berfungsi sebagai kerangka asas untuk memahami keindahan dan kedalaman bahasa Arab, terutamanya dalam teks yang paling diagungkan dalam agama Islam, al-Quran (Hasanah, 2021). Peranan balāghah dalam kesusasteraan Arab bukan sekadar untuk mengindahkan lafaz tetapi merupakan alat ampuh yang digunakan untuk menyampaikan makna yang mendalam, membangkitkan emosi, serta meningkatkan kejelasan sesuatu mesej. Al-Quran, yang

diiktiraf sebagai kemuncak kefasihan bahasa Arab, menggunakan pelbagai bentuk alat retorik ini untuk menyampaikan mesej ketuhanan, mengajak pembaca merenung secara mendalam tentang tema-tema yang pelbagai seperti teologi (akidah), undang-undang (syariah) dan moral (akhlak) (Hammood & Khalid, 2019).

Balāghah dalam al-Quran ditonjolkan dalam bentuk kehalusan linguistik, pemilihan kata, dan susunan idea yang strategik untuk mengukuhkan konsep-konsep utama dalam agama Islam, menjadikan hujah lebih meyakinkan, dan memastikan mesej itu dapat dijiwai oleh seluruh pembaca. Di antara bentuk balāghah yang sering didapati dalam al-Quran ialah *al-tibāq* (*antithesis*) dan *al-muqābalah* (*antithetical parallelism*) kerana keupayaan kedua-dua alat retorik ini untuk menggambarkan aspek dualisme dan kontras yang wujud dalam al-Quran (Sujai & Setyawan, 2021). Alat retorik ini menggandingkan dua aspek bertentangan seperti kepercayaan dan kekufuran, cahaya dan kegelapan, hidup dan mati, serta dunia dan akhirat. Kontras ini dapat menghasilkan makna yang lebih mempesona, menjadikan pembaca lebih tertarik dan tidak mudah jemu dengan teks al-Quran.

Dalam teori balāghah Arab, *al-tibāq* melibatkan penggandingan dua aspek berlawanan dalam satu ungkapan atau ayat, manakala *al-muqābalah* pula meluaskan lagi konsep ini dengan menggandingkan berbilang pasangan berlawanan dalam satu struktur ayat yang berterusan atau selari (*parallelism*) (Suhaimi, 2020). Alat retorik ini digunakan dalam al-Quran untuk menekankan pilihan yang tersedia bagi setiap manusia sama ada kebaikan dan kejahatan atau antara ketaatan kepada Allah SWT dan keingkaran. Dengan memanfaatkan alat retorik ini, al-Quran dapat memberikan ruang untuk pembacanya merenung tentang realiti kehidupan, akibat daripada pilihan mereka, dan perbezaan antara kewujudan duniawi dan kehidupan ukhrawi (akhirat) (Oktaviana, 2020).

Justeru, memandangkan aspek kontras ini adalah sangat penting dalam penafsiran al-Quran, analisis terhadap *al-tibāq* dan *al-muqābalah* dapat menawarkan pandangan unik tentang cara al-Quran membina naratifnya. Alat ini bukan sekadar berfungsi untuk mencantikkan struktur teks; bahkan membolehkan pendengar atau pembaca untuk merenung implikasi mendalam terhadap kesan daripada tindakan mereka (Jan & Ullah, 2019).

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Dalam kajian Islam kontemporari, terdapat suatu isu yang semakin ketara tatkala ramai umat Islam hanya melibatkan diri dengan al-Quran pada peringkat permukaan sahaja (*surface level*), dengan memberikan tumpuan yang lebih pada aspek bacaan dan bukannya pada aspek makna (al-Fārūqī, 1987). Hal ini menyebabkan kurangnya kefahaman masyarakat terhadap mesej ketauhidan dan kerohanian yang disediakan oleh al-Quran (Gent & Muhammad, 2019). Para sarjana berpendapat bahawa aspek balāghah dalam al-Quran, khususnya *al-tibāq* dan *al-muqābalah*, bukan sekadar hiasan linguistik tetapi merupakan alat yang efektif untuk menyampaikan ajaran tauhid dan rohani (Dror, 2017). Walau bagaimanapun, tafsiran moden sering mengabaikan kepentingan alat retorik ini menjadikan pembaca atau pendengar tidak dapat menggapai maksud sebenar daripada setiap perbandingan yang dilakukan oleh Allah SWT dalam al-Quran.

Tambahan lagi, walaupun terdapat kajian ilmiah yang telah meneliti secara meluas aspek retorik dalam al-Quran, tetapi peranan khusus *al-tibāq* dan *al-muqābalah* belum diterokai secara mendalam. Kebanyakan kajian lebih menumpukan kepada aspek ilmu bayān dalam al-Quran seperti metafora (*isti'ārah*), perumpamaan (*tashbīh*) dan alegori (*tamthīl*) (Alhusban & Alkhawaldah, 2018; Firdaus et al., 2022; Hammood & Khalid, 2019; Nurbayan, 2019; Rumman & Al Salem, 2023). Walau bagaimanapun, terdapat jurang yang ketara dalam penyelidikan mengenai bagaimana alat retorik ini - *al-tibāq* dan *al-muqābalah* - digunakan untuk membina naratif dalam al-Quran, menyampaikan ajaran teologi, dan menekankan keadilan serta belas kasihan Allah SWT.

Kekurangan tumpuan terhadap penggunaan alat retorik ini boleh mengakibatkan kedangkalan dalam memahami teks al-Quran, menyebabkan pembaca tidak dapat menggapai maksud yang hendak disampaikan serta kehilangan bimbingan rohani daripada Allah SWT menerusi ayat-ayat-Nya (Syarif, 2020). Oleh itu, kajian ini berusaha untuk menghidupkan semula kajian balāghah dalam penafsiran al-Quran dengan: mengenal pasti aspek *al-tibāq* dan *al-muqābalah* dalam ayat-ayat al-Quran terpilih; dan menganalisis peranan *al-tibāq* dan *al-muqābalah* dalam penafsiran al-Quran. Dengan memenuhi kedua-dua objektif ini, kajian ini dapat menyumbang kepada perkembangan kajian balāghah al-Quran, menawarkan pemahaman yang lebih tinggi tentang teknik linguistik al-Quran dan peranannya dalam menyampaikan ajaran agama Islam.

3.0 DEFINISI *AL-TIBĀQ* DAN *AL-MUQĀBALAH* DALAM ILMU BALĀGHAH

3.1 *al-Tibāq* (Antithesis)

Al-Tibāq ialah menghimpunkan dua perkara yang saling bertentangan dalam sesuatu ayat. Fungsi utamanya adalah untuk mencipta kontras antara dua konsep yang bertentangan, menajamkan mesej dengan menyerlahkan perbezaannya (al-Hāshimī, 1999: 303). Dalam kajian kesusasteraan Arab, *al-tibāq* merupakan sebahagian daripada bentuk *badī'* (keindahan) yang menambahkan kedalaman estetika dan intelektual pada teks (al-Marāghī, 1993). Pertentangan ini boleh dibahagikan kepada dua bentuk:

- (a) *Tibāq al-ijāb*, atau *affirmative antithesis*, merujuk kepada pengandingan dua konsep bertentangan secara langsung seperti terang dan gelap, hidup dan mati, atau baik dan jahat. Matlamatnya di sini adalah untuk menekankan perbezaan ketara antara konsep berpasangan ini, mendorong pembaca atau pendengar untuk melibatkan diri dengan pilihan asas atau realiti yang dibentangkan. Contohnya firman Allah SWT dalam surah al-Fath (48:14):

يَغْفِرُ لِمَن يَشَاءُ وَيُعَذِّبُ مَن يَشَاءُ

Mafhumnya: Allah SWT berkuasa mengampunkan sesiapa yang dikehendaki-Nya, dan Ia juga berkuasa menyeksa sesiapa yang dikehendaki-Nya.

Perbezaan antara kehidupan (الدنيا) dan akhirat (الآخرة), siksaan serta pengampunan, menggambarkan pilihan yang diberikan Allah SWT kepada pembaca beserta kesan dan akibatnya.

- (b) *Tibāq al-salb*, atau *negative antithesis*, melibatkan perbandingan di antara pernyataan afirmatif (positif) dengan padanannya yang negatifnya. Dalam bentuk ini, aspek berlawanan dibentuk dengan menafikan satu idea untuk menghasilkan perbezaan yang bertentangan. Contohnya firman Allah SWT dalam surah al-Zumar (39:9):

قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ

Mafhumnya: Katakanlah lagi (kepadanya): “Adakah sama orang yang mengetahui dengan orang yang tidak mengetahui?”.

Aspek berlawanan pada ayat ini dibentuk dengan membandingkan di antara keadaan orang yang mengetahui dan tidak mengetahui dan bukannya perentangan secara langsung seperti berilmu dan jahil.

Peranan *al-tibāq* dalam teks adalah untuk menambahkan kedalaman teks dengan mengemukakan pertentangan yang dapat menarik pembaca untuk merenung akibat tindakan serta keputusan moral mereka. Dengan meletakkan idea-idea yang bertentangan ini secara bersebelahan, sesuatu teks itu dapat mewujudkan ketegangan mental dan emosi yang meningkatkan lagi kedalaman mesej (Hassanein, 2018). Dalam al-Quran, pertentangan ini sering digunakan untuk menekankan dualitas yang ada dalam kehidupan manusia - pilihan antara kebaikan dan kejahatan, kepercayaan dan kekufuran serta ganjaran dan hukuman.

3.2 *al-Muqābah* (Antithetical Parallelism)

Al-Muqābah pula merupakan lanjutan daripada *al-tibāq* yang melibatkan pengimbangan berbilang pasangan bertentangan dalam struktur yang berturutan (*parallel*) (al-Hāshimī, 1999: 304). Alat retorik ini lebih kompleks daripada *al-tibāq* kerana *al-muqābah* melibatkan dua atau lebih pasangan bertentangan dalam kedudukan bertentangan atau simetri (Hasan, 1996). Tujuan *al-muqābah* didatangkan bukan sekadar untuk membezakan sesuatu konsep tetapi melakukannya dengan cara yang dapat mewujudkan irama atau keseimbangan dalam struktur ayat

atau teks ('Abd al-Rahman ibn Hasan, 1996). Contohnya dalam firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah (2:257):

اللَّهُ وَلِيُّ الَّذِينَ ءَامَنُوا يُخْرِجُهُم مِّنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ وَالَّذِينَ كَفَرُوا أَوْلِيَاءُ هُمُ
الطُّغُوتُ
يُخْرِجُونَهُم مِّنَ النُّورِ إِلَى الظُّلُمَاتِ أُولَئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ٢٥٧

Maksudnya: Allah Pelindung (Yang Mengawal dan Menolong) orang yang beriman. Ia mengeluarkan mereka dari kegelapan (kufur) kepada cahaya (iman). Dan orang yang kafir, penolong-penolong mereka ialah Taghut yang mengeluarkan mereka dari cahaya (iman) kepada kegelapan (kufur). Mereka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya.

Di sini, Allah SWT mendatangkan beberapa pasangan berpasangan iaitu cahaya (النور) dan kegelapan (الظلمات), serta iman (الإيمان) dan kekufuran (الكفر).

Ayat ini menggunakan *al-muqābalah* untuk menggandingkan petunjuk dan kesesatan yang dialami oleh orang mukmin dan kafir yang merupakan akibat daripada pilihan mereka dari sudut kerohanian. Dengan menggunakan struktur bertentangan ini, ayat tersebut menekankan keadilan Allah SWT, dengan kedua-dua kepercayaan dan kekufuran membawa kepada hasil yang tidak dapat dielakkan. Justeru, *al-muqābalah* bukan sahaja menonjolkan pertentangan ini bahkan dapat mencipta bentuk puitis dan seimbang, menjadikan mesej lebih dijiwai dan menarik.

4.0 METODOLOGI

Kajian ini mengambil pendekatan reka bentuk kajian kualitatif, menggunakan analisis kandungan untuk menjelaskan fungsi *al-tibāq* dan *al-muqābalah* yang digunakan dalam al-Quran. Metode analisis kandungan ini distrukturkan berdasarkan lima kategori utama bagi memastikan analisis yang dijalankan adalah sistematik dan teliti. Langkah awal melibatkan penelitian ayat-ayat al-Quran secara mendalam untuk mengenalpasti penggunaan *al-tibāq* dan *al-muqābalah* serta fungsinya. Hasilnya, pengkaji mendapati terdapat sepuluh ayat al-Quran yang mempunyai aspek *al-tibāq* dan *al-muqābalah* dengan memfokuskan kepada empat tema untuk dianalisis, iaitu: (1) kehidupan (الحياة) dan kematian (الموت); (2) kepercayaan (إيمان) dan kekufuran (كفر); (3) dunia (الدنيا) dan Akhirat (الآخرة); dan (4) petunjuk (هدى) dan kesesatan (ضلالة). Bagi memastikan ketepatan analisis, pengkaji mengambil pendekatan al-Hāshimī dalam *Jawāhir al-Balāghah* sebagai asas kepada teori ilmu Balāghah berserta pandangan-pandangan ulama lain seperti Hasan (1996), al-Marāghī (1993) dan 'Abd al-Rahman ibn Hasan (1996).

Seterusnya, huraian ini digandingkan bersama kitab-kitab tafsir al-Quran yang muktabar seperti *I'rāb al-Qur'ān wa Bayānuhu* (Darwish, 1994) dan *Durr al-Maṣūn* oleh al-Samīn al-Ḥalabī untuk memastikan analisis yang dijalankan adalah sesuai mengikut konteks ayat.

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

5.1 *al-Tibāq* dalam Al-Quran

Berdasarkan tinjauan pengkaji terhadap ayat-ayat al-Quran yang mengandungi unsur *al-tibāq*, didapati bahawa terdapat enam ayat yang berada di bawah tema yang telah ditetapkan. Berikut merupakan senarai ayat-ayat tersebut:

Jadual 1: *al-Tibāq* dalam Al-Quran

No.	Ayat	Perbandingan
1.	Surah al-Baqarah (2:26): بُضِلُّ بِهِ كَثِيرٌ ۖ وَيَهْدِي بِهِ كَثِيرٌ ۗ Tuhan akan menjadikan banyak orang sesat dengan sebab perbandingan itu, dan akan menjadikan banyak orang mendapat petunjuk dengan sebabnya;	Di antara petunjuk (هدى) dan kesesatan (ضلالة) (Darwish, 1994, 1:72)
2.	Surah Ali Imrān (3:27): وَنُخْرِجُ الْحَيَّ مِنَ الْمَيِّتِ وَنُخْرِجُ الْمَيِّتَ مِنَ الْحَيِّ Engkaulah juga yang mengeluarkan sesuatu yang hidup dari benda yang mati, dan Engkaulah yang mengeluarkan benda yang mati dari sesuatu yang hidup.	Di antara kehidupan (الحياة) dan kematian (الموت) (Darwish, 1994, 1:487).
4.	Surah al-A'rāf (7:146): وَإِنْ يَرَوْا سَبِيلَ الرُّشْدِ لَا يَتَّخِذُوهُ سَبِيلًا وَإِنْ يَرَوْا سَبِيلَ الْعِثِّ يَتَّخِذُوهُ سَبِيلًا Jika mereka melihat jalan yang (membawa kepada) hidayah petunjuk, mereka tidak mengambilnya sebagai jalan yang dilalui. Dan sebaliknya jika mereka melihat jalan kesesatan, mereka terus mengambilnya sebagai jalan yang dilalui.	Di antara petunjuk (هدى) dan kesesatan (ضلالة) (Darwish, 1994, 3:453).
5.	Surah al-Najm (53:44): وَأَنَّهُ هُوَ أَمَاتٌ وَأَحْيَا ۚ	Di antara kehidupan (الحياة)

	Dan bahawa sesungguhnya, Dia lah yang mematkan dan menghidupkan;	dan kematian (الموت) (Darwish, 1994, 9:369).
6.	<p>Surah al-Ḥadīd (57:20):</p> <p>أَعْلَمُوا أَنَّمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا لَعِبٌ ۖ وَهُوَ ۖ وَزِينَةٌ ۖ وَفِي ... وَتَفَاخُرُ بَيْنَكُمْ وَتَكَاثُرٌ فِي الْأَمْوَالِ وَالْأَوْلَادِ الْآخِرَةِ عَذَابٌ شَدِيدٌ ۖ وَمَغْفِرَةٌ ۖ مِّنَ اللَّهِ وَرِضْوَانٌ ۖ وَمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا مَتَاعُ الْعُرُورِ ۖ ٢٠</p> <p>Ketahuilah bahawa (yang dikatakan) kehidupan dunia itu tidak lain hanyalah (bawaan hidup yang berupa semata-mata) permainan dan hiburan (yang melalaikan) serta perhiasan (yang mengurang), juga (bawaan hidup yang bertujuan) bermegah-megah di antara kamu (dengan kelebihan, kekuatan, dan bangsa keturunan) serta berlumba-lumba membanyakkan harta benda dan anak pinak; Dan (hendaklah diketahui lagi, bahawa) di akhirat ada azab yang berat (di sediakan bagi golongan yang hanya mengutamakan kehidupan dunia itu), dan (ada pula) keampunan besar serta keredaan dari Allah (disediakan bagi orang yang mengutamakan akhirat). Dan (ingatlah, bahawa) kehidupan dunia ini tidak lain hanyalah kesenangan bagi orang yang terpedaya.</p>	Di antara dunia (الدنيا) dan akhirat (الآخرة).

Seterusnya, daripada enam ayat ini, pengkaji mengetengahkan dua ayat yang mengandungi unsur kerohanian yang mendalam untuk dianalisis. Dalam surah al-Baqarah (2:26), penggunaan *al-tibāq* menonjolkan perbezaan yang jelas di antara hidayah (الهداية) dan kesesatan (الضلالة). Hidayah dinisbahkan kepada golongan beriman (الذين آمنوا), kerana mereka memahami bahawa contoh-contoh yang Allah SWT tunjukkan merupakan *ḥaqq* (kebenaran) dari Tuhan mereka. Ayat ini menekankan bagaimana orang beriman melihat sesuatu perumpamaan itu walaupun kelihatan kecil, seperti nyamuk, lalat, labah-labah, namun disebabkan keimanan mereka yang kukuh terhadap Allah SWT, mereka dibimbing ke arah pemahaman yang mendalam (Ibn ‘Āshūr al-Tūnisī, 1984, 1:358).

Sebaliknya, kesesatan (الضلالة), dinisbahkan kepada orang kafir (الذين كفروا), yang menolak contoh-contoh ini dan mempersoalkan tujuannya, sambil berkata, “Apakah maksud Allah membuat perbandingan dengan ini?”. Persoalan ini menyesatkan mereka kerana gagal melihat kebenaran di sebalik perumpamaan tersebut. Ayat ini secara jelas menyatakan bahawa melalui contoh-contoh ini, ramai orang yang disesatkan dan hanya orang beriman sahaja diberikan petunjuk.

Penggunaan *al-tibāq* dalam ayat ini berfungsi untuk menonjolkan kesan dan akibat daripada penolakan dan penerimaan yang menjejaskan keimanan seseorang. Dari satu sudut, orang beriman diberi ganjaran hidayah (petunjuk) dan kefahaman, manakala orang kafir pula dipesongkan lebih jauh ke dalam dalālah (kesesatan) kerana kedegilan dan keengganan mereka untuk menerima risalah Allah SWT (al-Ṭabarī, 2000, 1:401). Perbezaan ini menguatkan tanggapan bahawa bimbingan dan kesesatan adalah tindak balas yang ditetapkan oleh Allah SWT berdasarkan penerimaan atau penolakan seseorang.

Melalui alat retorik ini, al-Quran menekankan bahawa setiap contoh yang didatangkan, tanpa mengira sama ada yang kecil atau besar, mempunyai makna yang mendalam bagi mereka yang bersedia untuk merenung (al-Zamakhsharī, 1986, 1:111). Bagi mereka yang menolak, demikian itu menjadi punca kekeliruan dan kesesatan, menggariskan dua hasil yang berbeza berdasarkan pendekatan seseorang terhadap tanda-tanda tersebut.

Kemudian, dalam surah al-Ḥadīd (57:20) pula, aspek *al-tibāq* terletak pada... “di akhirat ada azab yang berat” di antara seksaan (العذاب) dan keampunan (المغفرة) pada... “dan keampunan besar” (Darwish, 1994, 9:470). Tetapi menurut pengkaji, perbezaan yang nyata di antara kesenangan dunia (الدنيا) dan akibat yang berkekalan di akhirat (الآخرة) merupakan satu daripada aspek *al-tibāq*. Penggunaan *al-tibāq* pada ayat ini berfungsi untuk mengingatkan orang yang beriman bahawa sifat kehidupan dunia yang sekejap - digambarkan sebagai permainan, hiburan, dan persaingan semata-mata - adalah hampa jika dibandingkan dengan realiti akhirat (al-Bayḍāwī, 1998, 5:189). Ayat ini menggandingkan di antara hakikat kehidupan dunia, yang disifatkan sebagai suatu yang remeh dan sekadar keuntungan material, dengan akhirat, dengan penghakiman dan hukuman Allah SWT tidak dapat dielakkan.

Pertentangan antara kesenangan di dunia dan seksaan di akhirat menekankan kesan dan akibat bagi setiap perbuatan manusia. Penggunaan ‘azab yang berat’ bagi orang yang tidak beriman adalah sangat bertentangan dengan ‘keampunan besar serta keredaan’ bagi orang beriman, menandakan akibat yang muktamad berdasarkan pilihan seseorang. Tambahan lagi, hal ini mewujudkan suatu desakan bagi orang beriman untuk mengutamakan nilai kerohani dan etika daripada keuntungan duniawi. Dengan meletakkan fokus seseorang pada akhirat, al-Quran membimbing orang beriman ke arah persediaan untuk menghadapi akibat yang kekal (Ibn Kathīr, 1999, 8:24).

5.2 *al-Muqābalah* dalam Al-Quran

Berdasarkan tinjauan pengkaji terhadap ayat-ayat al-Quran yang mengandungi unsur *al-muqābalah*, didapati bahawa terdapat empat ayat yang berada di bawah tema yang telah ditetapkan. Berikut merupakan senarai ayat-ayat tersebut:

Jadual 2: *al-Muqābalah* dalam al-Quran

No.	Ayat	Perbandingan
1.	<p>Surah al-Baqarah (2:175): أُولَئِكَ الَّذِينَ اشْتَرُوا الضَّلَالََةَ بِالْهَدَىٰ وَالْعَذَابَ بِالْمَغْفِرَةِ</p> <p>Mereka itulah orang yang membeli kesesatan dengan meninggalkan petunjuk (ugama Allah), dan (membeli) azab seksa neraka dengan meninggalkan keampunan Tuhan.</p>	<p>Di antara petunjuk (هدى) dan kesesatan (ضلالة).</p> <p>Di antara seksaan (العذاب) dan keampunan (المغفرة) (Darwish, 1994, 1:248).</p>
2.	<p>Surah al-Baqarah (2:257): اللَّهُ وَلِيُّ الَّذِينَ آمَنُوا يُخْرِجُهُم مِّنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ وَالَّذِينَ كَفَرُوا أَوْلِيَاؤُهُمُ الطُّغُوتُ يُخْرِجُونَهُم مِّنَ النُّورِ إِلَى الظُّلُمَاتِ</p> <p>Allah Pelindung (Yang mengawal dan menolong) orang yang beriman. Ia mengeluarkan mereka dari kegelapan (kufur) kepada cahaya (iman). Dan orang yang kafir, penolong-penolong mereka ialah Taghut yang mengeluarkan mereka dari cahaya (iman) kepada kegelapan (kufur).</p>	<p>Di antara petunjuk (هدى) dan kesesatan (ضلالة).</p> <p>Di antara kepercayaan (إيمان) dan kekufuran (كفر).</p>
3.	<p>Surah Ali Imrān (3:110): كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَوْ ءَامَنَ أَهْلُ الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ مِّنْهُمُ الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمْ الْفٰسِقُونَ ١١٠</p> <p>Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik</p>	<p>Di antara suruhan (الأمر) dan larangan (النهي).</p> <p>Di antara kebaikan (المعروف) dan kemungkaran (المنكر).</p> <p>Di antara orang mukmin (المعروف) dan kemungkaran (المنكر).</p>

	<p>dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman). Dan kalaulah Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (sebagaimana yang semestinya), tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka. (Tetapi) di antara mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka: orang yang fasik.</p>	<p>Di antara kepercayaan (إيمان) dan kekufuran (كفر) (Darwish, 1994, 2:20).</p>
4.	<p>Surah al-An'ām (6:122): أَوْ مَن كَانَ مَيِّتًا فَأَحْيَيْنَاهُ وَجَعَلْنَا لَهُ نُورًا يَمْشِي بِهِ فِي النَّاسِ كَمَن مَّثَلَهُ فِي الظُّلُمَاتِ لَيْسَ بِخَارِجٍ مِّنْهَا</p> <p>Dan adakah orang yang mati (hatinya dengan kufur), kemudian Kami hidupkan dia semula (dengan hidayah petunjuk), dan Kami jadikan baginya cahaya (iman) yang menerangi (sehingga dapatlah ia membezakan antara yang benar dengan yang salah, dan dapatlah ia berjalan dengan suluhan cahaya itu dalam masyarakat manusia, (adakah orang yang demikian keadaannya) sama seperti yang tinggal tetap di dalam gelap-gelita (kufur), yang tidak dapat keluar sama sekali daripadanya?.</p>	<p>Di antara kehidupan (الحياة) dan kematian (الموت). Petunjuk (هدى) dan Kesesatan (ضلالة).</p>

Seterusnya, daripada empat ayat ini, pengkaji mengetengahkan dua ayat yang mengandungi unsur kerohanian yang mendalam untuk dianalisis. Dalam surah al-Baqarah (2:257) Allah SWT menggunakan *al-muqābalah* dengan menggandingkan beberapa pasangan yang bertentangan - cahaya dan kegelapan, kepercayaan dan kekufuran - untuk menyampaikan mesej teologi yang kuat tentang kesan keimanan dan kekufuran seseorang. Di sini, cahaya melambangkan bimbingan ilahi dan keterangan yang dibawanya kepada orang beriman, manakala kegelapan pula melambangkan kejahilan, dosa, dan jarak yang jauh daripada Allah SWT. Ayat ini mempunyai dua bentuk gandingan:

- i. Orang yang beriman dilindungi Allah SWT dan dikeluarkan daripada kegelapan dunia, kubur, dan titian sirat kepada cahaya syurga (al-Samarqandī, 2009, 1:170).
- ii. Orang yang kafir pula dipimpin oleh tuhan-tuhan palsu (taghut) atau syaitan, yang mengeluarkan mereka daripada cahaya (petunjuk) dan

seterusnya menjatuhkan mereka ke dalam kegelapan (kesesatan serta kerugian) (al-Jawzī, 2001, 1:232).

Gandingan ini menekankan kemuncak kepada akibat bagi kepercayaan atau kekufuran seseorang. Penggunaan *al-muqābalaḥ* dalam ayat ini menguatkan naratif al-Quran tentang nasib yang berbeza antara orang yang beriman dan orang kafir, menjadikan mesej lebih jelas iaitu golongan yang menyerahkan diri mereka kepada Allah SWT, akan berada di jalan menuju kebenaran, manakala golongan yang menolak petunjuk-Nya pula, akan ditinggalkan dalam kegelapan rohani (al-Qinnawjī, 1992, 2:101).

Kemudian, dalam surah al-An'ām (6:122) pula, kehidupan (حَيِّ) dan kematian (مَيِّتٍ), bersama-sama dengan cahaya (نور) dan kegelapan (ظلمات), dikontraskan untuk menekankan perbezaan antara bimbingan rohani dan kejahilan. Pada ayat ini, diumpamakan kehidupan dan cahaya dengan keadaan dibimbing secara rohani, manakala kematian dan kegelapan pula melambangkan kejahilan dan kesesatan. Perinciannya adalah seperti berikut:

- i. Kehidupan di sini merujuk kepada kesedaran kerohanian, yang diberikan oleh Allah SWT, di mana seseorang memperoleh petunjuk dan tujuan melalui bimbingan Ilahi.
- ii. Kematian pula merujuk kepada kekufuran rohani, di mana hati seseorang itu dibelenggu kejahilan serta kekesatan, dan ia merasakan dirinya jauh daripada kebenaran.
- iii. Cahaya digunakan untuk mewakili bimbingan ilahi iaitu al-Quran, menerangi jalan bagi orang beriman, membolehkan mereka melepaskan diri daripada belenggu kejahilan serta kesesatan tersebut (al-Shawkānī, 1993, 2:181).
- iv. Keggelapan pula melambangkan kejahilan dan ketidakupayaan untuk melihat kebenaran, membawa seseorang ke dalam kekeliruan serta kesesatan.

Melalui kontras yang jelas ini, al-Quran menekankan bahawa orang yang mendapat petunjuk daripada Allah SWT adalah seperti orang yang telah 'diberi kehidupan' dan 'cahaya' yang dengannya mereka berjalan di antara manusia. Sebaliknya, mereka yang menolak bimbingan ini kekal dalam kegelapan, selamanya tidak dapat keluar daripadanya seolah-olah ia telah mati (al-Baghawī, 1999, 2:156). Gandingan beberapa bentuk retorik ini berfungsi sebagai peringatan kuat tentang akibat menolak bimbingan ilahi dan kerahmatan yang datang dengan menerimanya.

6.0 KESIMPULAN

Aspek *al-tibāq* dan *al-muqābalah* berterusan memainkan peranan penting dalam tradisi kesusasteraan dan penafsiran al-Quran. Aspek ini bukan sahaja meningkatkan kejelasan mesej al-Quran tetapi juga menyumbang kepada keindahan irama yang menjadikan pendengarnya terpukau. Dengan menggunakan kontras untuk menyampaikan konsep teologi yang penting, al-Quran memastikan bahawa mesejnya dapat dijiwai oleh setiap pembaca merentas generasi, mengukuhkan nilai murni agama Islam dengan cara yang mudah diingati serta menarik. Fokus yang dihadkan kepada beberapa tema utama ini menyebabkan kajian mungkin terlepas pandang terhadap contoh-contoh *al-tibāq* dan *al-muqābalah* yang terdapat pada ayat lain. Justeru, kajian berterusan hendaklah dijalankan, membincangkan aspek *al-tibāq* dan *al-muqābalah* di bawah tema yang berbeza serta memasukkan bilangan ayat yang lebih banyak. Hal ini dapat membantu para sarjana dan masyarakat awam untuk memahami mesej al-Quran secara lebih mendalam.

Sumbangan Pengarang

Adli, N. M. A. A. N. & Abdullah, M. N. Pengenalan, perbincangan penyusunan idea, semakan gaya bahasa dan penyuntingan draf akhir; penyediaan artikel dilaksanakan secara kolektif.

Penolakan Tuntutan

Manuskrip ini belum diterbitkan di tempat lain dan semua penulis telah bersetuju dengan penyerahannya dan mengisytiharkan tiada konflik kepentingan pada manuskrip.

RUJUKAN

- 'Abd al-Rahman ibn Ḥasan, al-Maydānī al-Dimashqī. (1996). *al-Balāghah al-'Arabiyyah*. Dimashq: Dār al-Qalam.
- Alhusban, A. M., & Alkhawaldah, M. (2018). Meaning Construction Of Selected Quranic Metaphors. *International Journal of Linguistics*, 10(6), 134-148.
- al-Baghawī, Abū Muḥammad al-Husayn ibn Mas'ūd ibn bin Muḥammad ibn al-Farrā' al-Shāfi'ī. (1999). *Ma 'ālim al-Tanzīl fī Tafsīr al-Qur'ān*. Jil. 2. Bayrūt: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabī.
- al-Bayḍāwī, Nāṣir al-Dīn Abū Sa'īd 'Abd Allah ibn 'Umar al-Shayrāzī. (1998). *Anwār al-Tanzīl wa Asrār al-Ta'wīl*. Jil. 5. Bayrūt: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabī.
- al-Fārūqī, L. (1987). Qur'ān reciters in competition in Kuala Lumpur. *Ethnomusicology*, 221-228.
- al-Hāshimī, Aḥmad ibn Ibrahīm ibn Muṣṭafa. (1999). *Jawāhir al-Balāghah fī al-Ma 'ānī wa al-Bayān wa al-Badī'*. Bayrūt: al-Maktabah al-'Asriyyah.
- al-Jawzī, Jamāl al-Dīn Abū al-Faraj 'Abd al-Raḥmān ibn 'Alī ibn Muḥammad. (2001). *Zād al-Masīr fī 'Ilm al-Tafsīr*. Jil. 1. Bayrūt: Dār al-Kitāb al-'Arabī.

- al-Marāghī, A. M. (1993). *'Ulūm al-Balāghah al-Bayān wa al-Ma'ānī wa al-Badī'*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Qinnawjī, Abū al-Ṭayyib Muḥammad Ṣadīq Khān ibn Ḥasan ibn 'Alī al-Husaynī al-Bukhārī. (1992). *Faṭḥ al-Bayān fī Maqāṣid al-Qur'ān*. Jil. 2. Bayrūt: al-Maktabah al-'Aṣriyyah li al-Ṭibā'ah wa al-Nashr.
- al-Samarqandī, Abū al-Layth Naṣr ibn Muḥammad ibn Aḥmad ibn Ibrāhīm. (2009). *Baḥr al-'Ulūm*. Jil. 1. Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Shawkānī, Muḥammad ibn 'Alī ibn Muḥammad ibn 'Abd Allah. (1993). *Faṭḥ al-Qadīr*. Jil. 2. Dimashq: Dār Ibn Kathīr.
- al-Ṭabarī, Abū Ja'far Muḥammad ibn Jarīr. (2000). *Jāmi' al-Bayān fī Ta'wīl al-Qur'ān*. Bayrūt: Mu'assasat al-Risālah.
- al-Zamakhsharī, Abū al-Qāsim Maḥmūd ibn 'Amr ibn Aḥmad. (1986). *al-Kashshāf 'an Haqā'iq Ghawāmiḍ al-Tanzīl*. Jil. 1. Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Arabiyyah.
- Darwish, M. (1994). *I'rāb: al-Qur'ān al-Karīm wa Bayānuhu*. Jil. 1-3, 9. Dimashq: Dār al-Irshād li al-Shu'ūn al-Jami'iyyah.
- Dror, Y. (2017). Grammatical parallelism in the Qur'ān. *Archiv Orientální*, 85(2), 165-189.
- Firdaus, D., Hulawa, D. E., Susanti, F. D., & Pamil, J. (2022). al-Isti'ārah fī al-ayāti al-Qur'āniyyah wa tarjamatiḥā ilā al-Indūniyyah. *ALSUNYAT Jurnal Penelitian Bahasa, Sastra, dan Budaya Arab*, 5(1), 62-81.
- Gent, B., & Muhammad, A. (2019). Memorising And Reciting A Text Without Understanding Its Meaning: A Multi-Faceted Consideration Of This Practice With Particular Reference To The Qur'an. *Religions*, 10(7), <https://doi.org/10.3390/rel10070425>
- Hammood, S. M., & Khalid, R. W. (2019). Emotional Metaphors In The Glorious Quran With Reference To Their Realizations In English. *Journal of University of Human Development*, 5(3 SE-Conference Paper), 182-189.
- Hasan, 'Abd Rahman. (1996). *al-Balāghah al-'Arabiyyah 'Asasuhā wa 'Ulūmuhā wa Funūnuhā*. Dimashq: Dār al-Qalam.
- Hasanah, U. (2021). Rhetoric In Islamic Tradition: Paradigm And Its Development. *KOMUNIKA Jurnal Dakwah dan Komunikasi*, 15(2), 241-252.
- Hassanein, H. (2018). Discourse functions of opposition in classical Arabic: The case in Ḥadīth genre. *Lingua*, 201, 18-44.
- Ibn Kathīr, Abū al-Fidā' Ismā'īl ibn 'Umar. (1999). *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm*. Jil. 8. Riyad: Dār Ṭayyibah li al-Nashr wa al-Tawzī'.
- Ibn 'Āshūr al-Tūnisī, Muḥammad al-Ṭāhir ibn Muḥammad ibn Muḥammad al-Ṭāhir. (1984). *Tahrīr al-Ma'nā al-Sadīd wa Tanwīr al-'Aql al-Jadīd min Tafsīr al-Kitāb al-Majīd*. Jil. 1. Tunis: al-Dār al-Tūnisiyyah li al-Nashr.
- Jan, A., & Ullah, B. (2019). Feature of al-Tibāq in the three surah of Holy Quran (Surah Al-Zumar, Surah Ghafir & Surah Fussilat). *Fahm-i-Islam*, 2, 113-125.
- Nurbayan, Y. (2019). Metaphors in the Quran and its translation accuracy in Indonesian. *Indonesian Journal of Applied Linguistics*, 8(3), 710-715.
- Oktaviana, A. R. (2020). al-Uslūb al-taqābulī fī Sūrah al-Baqarah wa dilālatuhu. *Journal of Arabic Literature*, 1(2), 60-67.

- Rumman, R. N. A., & Al Salem, M. N. (2023). The translation of Quranic metaphorical expressions from Arabic into English. *Journal of Language Teaching and Research*, 14(3), 646-655.
- Suhaimi, S. (2020). Al-Quran, thibaq, muqabalah. *Jurnal Ilmiah al-Mu'ashirah: Media Kajian al-Qur'an dan al-Hadits Multi Perspektif*, 17(1), 36-46.
- Sujai, A., & Setyawan, C. E. (2021). Balāghah studies of uṣlūb al-muqābalah in part 30 of the Holy al-Qur'ān. *Alsuna: Journal of Arabic and English Language*, 4(1), 36-55.
- Syarif, S. (2020). Spiritual Education Mission In The Mufassirin Perspective. *TADRIS Jurnal Pendidikan Islam*, 15(1), 23-44.